




Ada juga pesakit yang ambil mudah dengan simptom-simptom yang sudah ditunjukkan sehingga berlaku komplikasi. Selalunya pesakit juga tidak menyedari yang ada bengkak di leher disebabkan oleh goiter.”



TIROID kelenjar organ berada di hadapan leher.


# Wanita lebih ramai hadapi masalah tiroid



Oleh RABIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH  
gayautusan@medimulia.com.my

**M**ASALAH tiroid menakutkan ramai wanita pada setiap peringkat umur. Ini kerana wanita memiliki lima kali lebih cenderung mengalami gangguan tiroid berbanding lelaki. Bahkan tanda-tanda tiroid juga seringkali dikelirukan

**MASALAH** gangguan hormon tiroid juga boleh menyebabkan masalah jantung jika tidak dirawat segera. - GAMBAR HIASAN



dalam mengendalikan metabolisma dan fungsi tubuh badan seseorang itu. Tiroid akan menghasilkan dua jenis hormon iaitu T4 dan T3. T4 adalah 99 peratus dihasilkan oleh tiroid yang kemudiannya akan diaktifkan dalam bentuk T3 untuk digunakan oleh sel-sel tubuh badan.

“Ada dua jenis masalah atau gangguan hormon tiroid iaitu *hyperthyroidism* dan *hypothyroidism*. *Hyperthyroidism* terjadi apabila hormon tiroid

HUSNA  
SYAKIRAH  
AB. RAHMAN

dengan masalah  
kesihatan yang lain.

Namun begitu, masih  
ramai lagi wanita tidak  
mengambil tahu tentang  
masalah ini.

Menurut Pakar Bedah  
Am, Pantai Hospital Laguna-  
Merbok, Sungai Petani  
Kedah, Dr. Husna Syakirah  
Ab. Rahman, tiroid adalah


kelenjar organ yang berada di  
hadapan leher yang berfungsi  
dalam menghasilkan hormon  
tiroid.

“Hormon tiroid ini penting

dihasilkan secara berlebihan.  
Antara puncanya ialah *grave  
disease, toxic moultnodular  
goiter, toxic nodule* (hanya satu  
nodule yang menghasilkan  
hormon yang banyak),”


## GEJALA-GEJALA GANGGUAN TIROID

### ***HYPERTHYROIDISM***



- » Jantung berdebar-debar (*palpitation*)
- » Tangan menggeletar (*tremor*)

- » Senang marah (*easy irritability*)
- » Naik selera makan
- » Cepat rasa letih dan lesu
- » Lemah badan bahagian proksimal



- » Mudah berpeluh dan panas
- » Cirit birit
- » Gangguan pada haid
- » Susut berat badan

### ***HYPOTHYROIDISM***

- » Lesu
- » Kulit kering



- » Sembelit



- » Sentiasa sejuk



- » Gangguan pada haid

katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sementara itu *hypothyroidism* terjadi apabila tyroid kurang aktif dalam penghasilan hormon. Misalnya masalah *hashimoto thyroiditis* atau radang pada tiroid.

Pun begitu, masih ramai khususnya wanita tidak menyedari mereka mempunyai penyakit ini berikutan tiada gejala serius ditunjukkan pada peringkat awal.

“Ada juga pesakit ambil mudah dengan simptom-simptom yang sudah ditunjukkan sehingga berlaku komplikasi. Selalunya pesakit juga tidak menyedari yang ada bengkak di leher disebabkan oleh *goiter*.”

“Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sukar untuk seseorang yang mempunyai *goiter* yang kecil dapat melihat secara jelas. Selalunya pesakit akan datang berjumpa pakar jika ada bengkak dileher dan setelah ujian darah dijalankan baru pesakit mengetahui yang mereka mempunyai masalah gangguan hormon tiroid,” katanya.

Dr. Husna menjelaskan,, masalah gangguan hormone tiroid di Malaysia adalah *hypothyroidism* sebanyak 3.4 peratus dan *hypothyroidism* 2.1 peratus.

Kebanyakan pesakit hanya mengetahui yang mereka mempunyai masalah gangguan hormon tiroid apabila mereka menyedari ada bengkak di leher.

“Hingga kini masih tidak dapat dipastikan mengapa lebih ramai wanita mengalami penyakit ini. Mungkin



**PENGAMBILAN minuman berkafein harus dikurangkan bagi pesakit yang menghidap tiroid. - GAMBAR HIASAN**

disebabkan *autoimmune disease* yang menyebabkan *grave disease*,” ujarnya.

Justeru katanya, adalah perlu bagi seseorang pesakit yang sudah didiagnos dengan gangguan tiroid untuk mendapatkan rawatan supaya tidak belaku komplikasi yang boleh membahayakan nyawa.

“Untuk pesakit yang mempunyai masalah gangguan tiroid, rawatan perubatan perlu dimulakan segera.

“Bagi yang menghidapi *hyperthyroidism*, pesakit akan diberi tablet *carbimazole* atau *propylthiouracil* (sesuai untuk pesakit yg mengandung).”

“Jika masih tidak dapat dikawal pesakit mungkin diberi pilihan untuk melakukan pembedahan atau rawatan *ablsi radioaktif (radioiodine therapy)*,” katanya.

Pesakit *hypothyroidism* pula akan diberikan ubat thyroid secara oral.

Bagaimapun kedua-dua jenis gangguan tiroid ini perlu dipantau melalui ujian darah untuk melihat keberkesannya.

#### **KOMPLIKASI:**

Gangguan pada tiroid tidak dirawat boleh menyebabkan komplikasi. Antaranya:

- Masalah gangguan nadi jantung yang tidak sekata (*atrial fibrillation*)
- Masalah tulang rapuh
- Masalah mata (*grave's ophthalmopathy*); mata terbonjol; radang mata; sakit pada bola mata; mata kering; rabun (*double vision*), masalah saraf
- *Myxedema* (pesakit boleh koma jika tidak dirawat)
- Kemurungan

**WANITA** lima kali  
cenderung alami  
gangguan tiroid  
berbanding lelaki.  
- GAMBAR HIASAN

